

SOALAN NO: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 22 MAC 2016

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pekerja-pekerja tidak ditindas dalam perjanjian TPPA.

PR-1341-L71893

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang dalam proses melakukan beberapa langkah dan tindakan segera terhadap pindaan Akta Kerja 1955 sebagai usaha untuk memastikan kehendak perjanjian TPPA dipatuhi. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- i) Mengadakan sesi percambahan fikiran di antara pegawai-pegawai di bawah KSM berkenaan pindaan yang perlu dibuat;
- ii) Mengadakan konsultasi atau sesi libat urus dengan kesatuan majikan dan pekerja serta agensi berkaitan; dan
- iii) Mengadakan bengkel bagi tujuan pindaan Akta Kerja 1955

2. KSM telah mengadakan beberapa siri sesi libat urus (konsultasi) bersama wakil-wakil kesatuan majikan dan pekerja termasuk MTUC dan MEF berhubung cadangan pindaan kepada Akta Kerja 1955. Sesi perbincangan bersama agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang berkaitan juga dibuat bagi mendapatkan input berkaitan pindaan Akta Kerja 1955 secara holistik. Melalui pendekatan ini, gambaran sebenar pemakaian undang-undang sedia ada dan kesannya terhadap pihak-pihak

berkaitan diperolehi bagi mencari jalan penyelesaian terbaik dalam usaha memastikan kebajikan dan kemudahan pekerja diberi perhatian serius. Di samping itu, melalui sesi ini juga maklumat-maklumat yang diperolehi akan diteliti bagi tujuan menaiktaraf kemudahan-kemudahan dan faedah-faedah di bawah Akta Kerja 1955 adalah selaras dengan kehendak perjanjian TPPA. Tujuan ini adalah bagi memastikan pekerja-pekerja diberi perlindungan sama rata tanpa elemen diskriminasi.

3. Pada perjumpaan tersebut, pihak-pihak yang berkaitan telah mengambil maklum dan memberikan reaksi positif terhadap cadangan-cadangan pindaan yang akan dibuat oleh KSM. Setiap terma yang dicadangkan pindaan telah diperincikan dan diperhalusi semasa perjumpaan tersebut. Pihak-pihak juga diberi peluang untuk memberikan maklumbalas secara bertulis kepada pihak KSM untuk tujuan penyelarasan cadangan bagi memastikan kehendak perjanjian TPPA diberi keutamaan.

4. Sehubungan itu, KSM pada masa ini masih dalam proses mengkaji dan memperincikan semula cadangan ini dengan mengambilkira maklumbalas-maklumbalas yang telah dikemukakan oleh semua *stakeholders* sebelum proses pindaan diteruskan.

5. Secara umumnya Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang telah ditandatangani tidak akan menyebabkan golongan pekerja ditindas. Sebaliknya TPPA akan meningkatkan lagi hak dan

kebajikan pekerja kerana negara-negara yang telah menandatangani TPPA perlu menerima pakai dan mengekalkan keempat-empat prinsip Deklarasi ILO 1988 iaitu kebebasan berkesatuan dan pengiktirafan terhadap hak untuk berunding secara kolektif; penghapusan segala bentuk buruh paksa atau wajib; pemansuhan terhadap buruh kanak-kanak; dan penghapusan terhadap diskriminasi dalam pekerjaan atau bidang kerja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]**

TARIKH : 22 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN : 69

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan sekiranya pencarian pesawat MH370 menemui jalan buntu sehingga tarikh akhir pencarian pada Jun 2016. Adakah Kerajaan meneruskan pencarian atau sebaliknya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pasukan Pakar Satelit yang dianggotai oleh pakar-pakar daripada *Air Accident Investigation Branch* (AAIB), United Kingdom, *National Transportation Safety Board* (NTSB), United States, *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB), Boeing, *Australia's Defence Science and Technology Organisation* (DSTO), Thales, Inmarsat dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) telah menjalankan analisis berhubung data radar dan satelit bagi menentukan kawasan operasi pesawat MH370. Berdasarkan analisis tersebut, Pasukan Pakar tersebut telah menentu-sahkan bahawa satu kawasan berkeluasan 120,000 km persegi sebagai kawasan pencarian utama (*high priority search area*) yang akan merangkumi 99% daripada *possible flight path*.

Setelah tamat operasi pencarian bagi kawasan seluas 120,000 km persegi tersebut, ini bermaksud hampir keseluruhan kawasan yang mempunyai kebarangkalian berhubung kedudukan pesawat tersebut telah selesai dilaksanakan sepenuhnya. Sehubungan itu, sebarang keputusan berhubung operasi pencarian pesawat MH370 akan hanya diputuskan oleh Malaysia, Australia dan China semasa mesyuarat *tripartite* peringkat Menteri yang dijadual akan diadakan pada akhir bulan Jun 2016 dengan mengambilkira nasihat teknikal daripada Pasukan Pakar Satelit.